

bersama SALIZA ABDULLAH
Bsc (Purdue), MBA (MMU)
Ketua Pegawai Eksekutif
Berani Guard Sdn. Bhd.,
– anak syarikat Kumpulan
BG Capital Holdings
(laman web:
www.beraniguard.com.my)



ISTERI dimaki hamun hanya kerana terlambat menghidangkan makan malam untuk suami? Hanya sebab cemburu isteri disepak terajang sehingga mati? Sedih dan menyayatkan hati, namun semua ini bukan cerita dongeng tetapi kisah benar yang berlaku di Malaysia. Tiada lagi cinta, tiada lagi sayang. Mengapa suami, yang satu ketika dulu begitu mencintai isterinya, tergamak berlaku begitu kejam?

BERTINDAK!

Keganasan rumahtangga atau keganasan domestik yang melibatkan suami dan isteri atau pasangan hidup adalah satu senario yang berlaku bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Ia melibatkan semua golongan wanita tanpa mengira umur, agama, darjat dan pendidikan.

Statistik yang diperolehi dari "Women's Aid Federation" England menunjukkan terdapat 13 juta kes penderaan rumahtangga dilaporkan setiap tahun di seluruh dunia. Di England sahaja, purata 2 wanita dibunuh setiap minggu akibat pergaduhan antara suami isteri.

PERSONALITI PENDERA


Kebanyakannya terdiri dari mereka yang panas baran, tidak menghormati orang lain, mempunyai ego yang tinggi, mempunyai masalah mental dan mungkin pernah menjadi mangsa penderaan semasa kecil

Wanita Malaysia dilindungi di bawah Akta Keganasan Rumahtangga 1994. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaporkan sebanyak 2,700 kes antara tahun 2002 dan 2006. Tiada

PERSONALITI MANGSA

Pasif, terlalu bergantung kepada suami, tiada adik beradik / ahli keluarga yang dapat membantu, lebih mengutamakan imej "isteri dan keluarga bahagia" dari keselamatan diri dan anak-anak

statistik yang diperolehi untuk tahun berikutnya namun lapo-



Gambar Hiasan

ran lain menunjukkan terdapat peningkatan terhadap kes yang dilaporkan dari tahun ke tahun. JPW dan Talian Nur Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerima laporan sebanyak 63 kes pada tahun 2007, diikuti dengan 204 kes pada tahun 2008.

Seperti definisi keganasan terhadap wanita yang dibincangkan dalam artikel Mac lepas, keganasan rumahtangga boleh berlaku menerusi 5 cara – fizikal, psikologi dan emosi, sosial, kewangan dan seksual. Untuk artikel kali ini, kita akan cuba fahami personaliti pendera dan mangsa, punca dan kesan keganasan serta tindakan yang boleh diambil oleh mangsa.

PUNCA

Kemiskinan / tekanan hidup – pendera tiada kerja atau pendapatan tetap

Pendera menagih dadah, arak dan kuat berjudi

Kurang pengetahuan agama – pendera tiada pegangan hidup dan tidak dapat membezakan perbuatan yang salah dari yang benar. Tidak dinafikan ada kes yang mana isteri pula yang berlaku curang, tidak hormat pada suami dan gagal menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak. Seorang suami yang beriman dapat mengambil tindakan yang lebih waras jika berhadapan situasi sebegini. Bimbing atau ceraikan isteri, bukan pukul isteri sehingga mati.

Mempunyai nilai sosial tradisional yang negatif – isteri diwajibkan patuh kepada semua kehendak suami walaupun ia mencabul hak isteri tersebut


Sekali cukup! Mangsa tidak bertindak dan mendiamkan diri selepas didera buat kali pertama. Ini menyebabkan pendera berani untuk mengulangi perbuatan mereka

Keengganan mangsa bertindak atau membuat

aduan – malu dengan keluarga dan masyarakat, takut dan khuatir suami akan bertindak lebih ganas dan mencederakan diri dan keluarga

KESAN

Kecederaan fizikal yang kronik ke atas mangsa seperti patah tulang dan rosak buah pinggang kerana kerap ditendang oleh pendera dan seterusnya mati akibat didera

Gangguan mental. Jika dibiarkan berterusan, mangsa akan mengalami trauma, masalah kemurungan, hilang keyakinan diri dan enggan berhadapan orang ramai. Anak-anak juga boleh menjadi mangsa trauma dan berkemungkinan akan mengulangi perbuatan yang sama apabila berkahwin nanti kerana telah menyaksikan contoh yang tidak baik semasa kecil. 

PRODUK BULAN INI:

Bagi mengurangkan beban wanita yang mungkin menjadi mangsa keganasan rumahtangga, KURNIA Insurans mempunyai polisi NUR yang memberi pampasan tempat tinggal sementara dan bantuan perubatan psikoterapi kepada mangsa. Harga pelan serendah RM150 setahun. Hubungi kami di 03-5635 0030 sambungan 212 atau vaw@bgcapital.com.my untuk maklumat lanjut berhubung produk ini.

TINDAKAN & BANTUAN

Bincang cara baik dengan suami agar dia sedar kesilapan dan berubah. Pada masa yang sama kongsi masalah dengan ibu bapa / ahli keluarga terdekat yang dapat memberi nasihat dan bantuan. Sekiranya gagal, selamatkan diri dan keluar dari rumah dengan anak-anak

Hubungi Talian Kaunseling Pertubuhan Pertolongan Wanita (“Women’s Aid Organisation”) 03-7956 3488

Hubungi Jabatan Pembangunan Wanita atau Talian NUR 15999 Laporkan kepada polis 999

Hak Anda & Akta Keganasan Rumahtangga 1994

◆ Boleh membuat aduan kepada pihak polis dan pejabat kebajikan

◆ Boleh tinggal di rumah perlindungan jika anda tidak berasa selamat di rumah

◆ Boleh memohon Perintah Perlindungan Sementara dari mahkamah untuk menghalang pendera dari mendekati dan memukul anda

◆ Melalui Perintah Perlindungan Sementara juga, anda boleh meminta mahkamah mengeluarkan waran tangkap terhadap pendera jika anda khuatir pendera akan bertindak lebih agresif dan mengancam keselamatan anda

◆ Jika anda sedang menjaga seseorang yang didera (seperti anak atau orang yang kurang upaya), anda juga boleh memohon Perintah Perlindungan Sementara untuk mereka

◆ Jika orang yang melakukan kesalahan itu melanggar perintah tersebut, beliau boleh dihukum oleh mahkamah.



Gambar Hiasan

(sumber: www.wao.org.my)